

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/2015**

**GARIS PANDUAN PENGETAHUAN PERMIT BAHAN BATUAN  
BAGI TUJUAN PERLOMBONGAN PASIR  
DI NEGERI SELANGOR**

**1. TUJUAN**

**1.1** Pekeliling ini dikeluarkan dan bagi tujuan pemakluman kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan agensi-agensi teknikal berkenaan garis panduan pengeluaran permit bahan batuan bagi tujuan perlombongan pasir di Negeri Selangor selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 22/2015 yang diadakan pada 8 Julai 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 23/2015 pada 22 Julai 2015.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1** Pada masa ini semua permohonan pengeluaran permit bahan batuan (Borang 4C) bagi tujuan perlombongan pasir adalah melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB);
- 2.2** Permohonan ini meliputi semua kategori tanah hak milik, tanah yang memiliki Pajakan Melombong, Pajakan Kuari, tanah anak syarikat Kerajaan Negeri dan Tanah Kerajaan yang berkeluasan minimum 20 ekar;

- 2.3** MMKN ke 14/2015 yang diadakan pada 23 April 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 15/2015 pada 29 April 2015 telah menimbang dan meluluskan berkenaan Pindaan Bagi Garis Panduan Pengeluran Permit Bahan Batuan (Borang 4C) di Bawah Seksyen 72 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 bagi tujuan perlombongan pasir di atas tanah hak milik berkuat kuasa 1 April 2015 seperti syor :
- 2.3.1** Pemilik tanah hak milik, Pajakan Melombong dan Pajakan Kuari yang ingin memohon pengeluaran permit bahan batuan (Borang 4C) bagi tujuan perlombongan dan pemindahan pasir boleh memohon terus kepada Pentadbir Tanah tanpa melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB); dan
- 2.3.2** Bagi tanah-tanah anak syarikat Kerajaan Negeri dan Tanah Kerajaan, permohonan hendaklah dibuat melalui KSSB mengikut kaedah sedia ada.
- 2.4** Mengikut Seksyen 70 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk membenarkan apa-apa pemindahan bahan batuan daripada mana-mana tanah Kerajaan, hak milik, lombong dan rizab Justeru, pemilik-pemilik tanah bagi tanah ini hendaklah mendapatkan kebenaran PBN bagi tujuan pemindahan bahan batuan.

### 3. KAEADAH PELAKSANAAN

#### 3.1 Kategori Tanah

3.1.1 Permohonan melibatkan semua jenis kategori tanah dan dipecahkan seperti di **Jadual 1** di bawah :

<b>Kategori Tanah</b>	<b>Keluasan</b>	<b>Permohonan Melalui</b>
(a) Hak Milik, Pajakan Melombong & Pajakan Kuari	Minima 20 ekar meliputi satu (1) lot tanah atau gabungan lot-lot yang bersempadan	Pejabat Tanah Daerah (PTD)
(b) Kerajaan, Rizab & Tanah Hak Milik Anak Syarikat Kerajaan Negeri		Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)

**Jadual 1 : Permohonan Mengikut Kategori Tanah**

#### 3.2 Syarat-Syarat Pemohon

3.2.1 Bagi kategori tanah (a) seperti di Jadual 1 di atas, permohonan boleh dibuat oleh semua pemilik tanah berdaftar atau pemegang surat kuasa wakil (*Power of Attorney*) tertakluk di bawah KTN dan Akta Surat Kuasa Wakil 1949; dan

**3.2.2** Bagi kategori tanah (b) pula, permohonan hendaklah melalui :

- a) Tanah Kerajaan – tender terbuka
- b) Tanah Rizab – surat kebenaran pegawai pengawal; dan
- c) Tanah Hak Milik Anak Syarikat Kerajaan Negeri – surat kebenaran / pemegang surat kuasa wakil (*Power of Attorney*)

### **3.3 Proses Permohonan Permit**

**3.3.1** Permohonan-permohonan melibatkan semua jenis kategori tanah hendaklah diangkat pertimbangan melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS);

**3.3.2** Keputusan yang dibuat melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral akan disahkan melalui MMKN; dan

3.3.3 Pentadbir Tanah akan memaklumkan berkenaan keputusan yang telah disahkan oleh MMKN untuk dipanjangkan kepada pemohon.

- Carta alir proses permohonan permit bahan batuan (pasir) adalah seperti **Lampiran A**.

#### **3.4 Syarat-Syarat Tambahan**

3.4.1 Pemilik tanah ataupun pemohon (Pemegang Permit) tidak dibenarkan sama sekali mengeluarkan **mineral** atau **bahan batuan selain daripada pasir** yang ditemui di kawasan yang dipohon melainkan dengan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri;

3.4.2 Bagi memberikan nilai ekonomikal kepada Kerajaan Negeri, kuantiti minima pengeluaran pasir adalah **50,000 metrik tan (MT) sebulan** bagi setiap kelulusan yang diberikan;

3.4.3 Pemegang Permit **diwajibkan** menghantar **laporan pengeluaran** pada **minggu kedua setiap bulan** kepada Pentadbir Tanah dan PTGS bagi tujuan pemantauan hasil;

- 3.4.4 Pemegang Permit **diwajibkan** untuk menyediakan dan mengendalikan kemudahan **jambatan timbang (weight bridge)** dan syarat kelulusan ‘*weight bridge*’ hendaklah **disahkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)**;
- 3.4.5 Pemegang Permit perlu **menyediakan sistem kamera litar tertutup (CCTV)** di sekitar kawasan tempat timbangan bagi tujuan pemantauan pengeluaran lori yang melalui ‘*weight bridge*’ dan keperluan ini akan diletakkan dalam syarat-syarat kelulusan sebelum permit dikeluarkan;
- 3.4.6 Pemegang Permit bertanggungjawab untuk **menjelaskan royalti kepada Pentadbir Tanah setiap 3 bulan**;
- 3.4.7 Setiap **lebihan pengeluaran** hendaklah dibayar **royalti tambahan** dan pemegang permit hendaklah **mengisyiharkan laporan pengeluaran** kepada Pentadbir Tanah;
- 3.4.8 Kelulusan permit bahan batuan (Borang 4C) adalah untuk **tempoh setahun (berakhir pada 31 Disember tahun kalender)**. Tempoh sah bagi setiap permit adalah **3 bulan** dan perlu **diperbaharui 2 minggu sebelum** tempoh tamat permit; dan

**3.4.9 Pentadbir Tanah mempunyai kuasa untuk menarik semula atau membatalkan terus permit yang dikeluarkan sekiranya pemegang permit atau pemilik tanah gagal untuk mematuhi syarat-syarat kelulusan permit.**

### **3.5 Bayaran-Bayaran Yang Dikenakan**

#### **3.5.1 Deposit Infrastruktur**

- a) Deposit ini bertujuan untuk memastikan keperluan agensi-agensi teknikal sekiranya terdapat isi-isu yang melibatkan infrastruktur seperti kerosakan jalan-jalan JKR/PBT/PLB, tebing sungai runtuh dan sebagainya yang difikirkan perlu oleh agensi berkenan;
- b) Pemegang permit hendaklah mendepositkan kadar minima **RM100,000.00** atau pun mengikut keluasan yang dipohon, dengan penetapan RM 5,000.00 per ekar, sebagai contoh pengiraan :

Jumlah Deposit Infrastruktur	=	RM 5,000.00 x Keluasan Permohonan (Ekar)
---------------------------------	---	---------------------------------------------

### 3.5.2 Deposit Pemulihan Tanah

- a) Deposit ini bertujuan untuk pemulihan semula tanah sama ada Tanah Kerajaan atau tanah hak milik **setelah tempoh pengkuarian selesai** dan Pemegang Permit hendaklah melakukan pemulihan semula ke atas tanah tersebut sehingga Pentadbir Tanah berpuas hati ke atas pemulihan yang telah dilakukan dan deposit ini akan dipulangkan semula kepada pemohon selaras dengan Seksyen 74 (b) KTN 1965;
- b) Pemegang Permit hendaklah mendepositkan sejumlah **RM 100,000.00** dan seterusnya dikenakan tambahan kadar deposit **RM 0.70 per meter padu (m<sup>3</sup>)** atau **RM 0.42 per metrik tan (mt)** bagi **setiap jumlah pengeluaran bahan batuan.** Sebagai contoh pengiraan :

Jumlah Deposit	=	Jumlah Pengeluaran
	=	<b>Meter Padu (m<sup>3</sup>) x RM 0.7000</b>
		<b>Metrik Tan (mt) x RM 0.4242</b>

- c) Sebagai contoh kaedah pengiraan deposit pemulihan bagi keluasan **perlombongan pasir 20 ekar** yang mana jangka hayat perlombongan adalah **dua (2) tahun** :

<b>1 m<sup>3</sup> [meter padu] =</b>	<b>1.65 mt [metrik tan]</b>
<b>1 mt [metrik tan] =</b>	<b>0.606 m<sup>3</sup> [meter padu]</b>
<b>Anggaran</b>	: 30,303.03 m <sup>3</sup> [meter padu] atau
<b>Pengeluaran Sebulan</b>	50,000 mt [metrik tan]
<b>Anggaran</b>	: 30,303.03 m <sup>3</sup> X RM 0.7000
<b>Deposit</b>	: 50,000 mt X RM 0.4242
<b>Bagi Tempoh</b>	: RM 21,212.12/bulan X 24 bulan
<b>dua (2) tahun</b>	= <b>RM 509,090.88</b>
<b>Deposit Permulaan</b>	= <b>RM 100,000.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan Deposit Pemulihan Bagi</b>	
<b>Tempoh dua (2) tahun</b>	= <b>RM 609,090.88</b>

### 3.5.3 Bayaran Royalti

Bayaran royalti bagi jenis bahan batuan yang dikeluarkan adalah mengikut Kaedah Tanah Selangor (Kaedah 24) atau apa-apa kadar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan

### 3.5.4 Caj Penggunaan Air

Pemegang permit akan dikenakan caj penggunaan air bagi setiap aktiviti perlombongan yang dijalankan kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS);

### **3.3 Kaedah Pembayaran**

- 3.3.1** Pembayaran-pembayaran yang ditetapkan kepada pemegang permit hendaklah diselaraskan seperti berikut :
- a) Pembayaran **deposit** bagi tujuan **infrastruktur** dan **pemulihan tanah** akan diletakkan di bawah **Akaun Deposit (Kumpulan Wang Amanah Disatukan Negeri Selangor)**; dan
  - b) Bagi hasil **kutipan royalti** pula, pembayaran dimasukkan ke dalam **Akaun Hasil**.

### **3.4 Tuntutan Deposit Infrastruktur**

- 3.4.1** Semua tuntutan berkaitan membaik pulih infrastruktur hendaklah dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral Negeri Selangor;
- 3.4.2** Sekiranya jumlah tuntutan deposit melebihi jumlah deposit yang telah ditetapkan, lebihan tuntutan yang telah dinilaikan adalah dibawah tanggungan Pemegang Permit;

- 3.4.3** Pemegang Permit disyaratkan menambah semula jumlah deposit yang terkurang atau digunakan bagi mencukupi jumlah yang telah ditetapkan;

### **3.5 Pemulangan semula deposit**

- 3.5.1** Bagi deposit infrastruktur, pemulangan deposit hendaklah dibuat berdasarkan penilaian dan penelitian oleh agensi-agensi teknikal berkaitan dan juga Pentadbir Tanah;
- 3.5.2** Bagi deposit pemulihan tanah pula, pemulangan deposit akan dikembalikan semula sekiranya pentadbir tanah berpuas hati dengan laporan pemulihan semula tanah; dan
- 3.5.3** Kesemua deposit ini akan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan untuk pemulangan semula deposit ini.


### **3.6 Kawalan dan Pemantauan**

- 3.6.1** Pentadbir Tanah hendaklah **menempatkan** sekurang-kurangnya **dua (2) orang kakitangan** di setiap lokasi pengeluaran bahan batuan bagi tujuan mengawal pergerakan keluar masuk lori dan pemantauan pengeluaran doket;

- 3.6.2 Penggunaan doket/kupon bagi pemindahan bahan batuan akan diseragam dan diselaraskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS); dan
- 3.6.3 CCTV yang dipasang hendaklah sentiasa beroperasi dan rakaman tersebut boleh diminta oleh Pentadbir Tanah pada bila-bila masa bagi tujuan rekod dan pemantauan.

#### **4. PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUATKUASA**

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa bagi semua permohonan pengeluaran bahan batuan (Borang 4C) di bawah Seksyen 72 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 bagi tujuan perlombongan pasir di atas tanah hakmilik dan tanah kerajaan;
- 4.2 Pemakaian pekeliling ini akan membatalkan Pekeliling PTGS Bilangan 3/2004 dan Bilangan 3/2009 serta Arahan PTGS Bilangan 2/2010 ;
- 4.3 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2015**.

  
**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**  
D.P.M.S, B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
Pengarah Tanah Galian Selangor.  
Tarikh: **1 Ogos 2015**

**LAMPIRAN A**

